

LOGO SEKOLAH

PT3 2019

PENTAKSIRAN TINGKATAN 3

Bahasa Melayu **02/1**

ITEM
CONTOH

ITEM CONTOH BAHAGIAN A

CONTOH 1

Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan – soalan yang berikutnya.

“Tapi ... ,” Azizah terharu sebab tercabar. Menganyam memang bukan tugas mudah tetapi kata Abang Azman. “Jika kita rajin mencuba dan gigih berusaha, semua perkara tidak mustahil dapat kita laksanakan.”

“ Bagaimanakah kalau kalah? Tiadalah hadiah besar untuk cikgu ... ”

“ Profesor Azizah, ukuran bagi nilai kejayaan seseorang bukan pada menang atau kalah ... tapi pada kekuatan daya usaha dan ikhlas berjuang semata-mata untuk meningkatkan kemajuan diri. Ingat pesan cikgu.”

Terkebil-kebil mata Azizah apabila menerima mandat yang besar daripada Cikgu Zaleha.

Azizah pulang tengah hari itu dengan tekad dan semangat yang kuat untuk membuktikan bahawa usaha gigihnya dapat membina keyakinan dirinya, bukan wang yang banyak, bukan tenaga yang kuat.

Habis daun nipah, urat mengkuang, daun lalang dikerjakannya. Dengan berulang-ulang, dicubanya untuk meneroka pelbagai bentuk dan warna, aneka rupa dan teknik, cara dan persembahan. Dengan suntikan kata-kata semangat ayah dan bimbingan ibunda yang berjemari seni, tidak hairanlah Azizah menang pada peringkat daerah sebagai johan. Pada peringkat negeri pula, dia mendapat naib johan.

Dipetik daripada cerpen *Hadiah*,
Antologi Kuingin Berterima Kasih, Tingkatan 1
Kementerian Pendidikan Malaysia

Jika kita rajin mencuba dan gigih berusaha, semua perkara tidak mustahil dapat kita laksanakan.

- 1 Peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah
 - A di mana ada kemahuan di situ atau jalan
 - B alah bisa tegal biasa
 - C belakang parang kalau diasah lagikan tajam
 - D alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal jalan

- 2 Apakah perkara yang merisaukan Azizah?
 - A Tidak berjaya dalam pertandingan
 - B Tugas menganyam bukan sesuatu yang mudah
 - C Tidak dapat memenuhi mandat gurunya
 - D Bimbang akan kehabisan bahan anyaman

- 3 Yang berikut ialah faktor-faktor yang menyebabkan Azizah memenangi pertandingan itu, **kecuali**
 - A bimbingan daripada Cikgu Zaleha.
 - B kata-kata semangat daripada ayahnya.
 - C tunjuk ajar daripada ibunya.
 - D galakan daripada Abang Azman.

CONTOH 2

Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan – soalan yang berikutnya.

PENDAKWA RAYA: Yang arif, hujah peguam bela tidak logik, tak masuk akal sama sekali, kambing yang lapar tidak makan kulit pisang dan mengaisnya keluar...

PEGUAM BELA: Yang arif, saya minta pendakwa raya tidak mengganggu perjalanan mahkamah.

Hakim mengeluarkan kad kuning.

HAKIM: Satu kad kuning untuk pendakwa raya. Sila duduk.
Ya, peguam bela, sila teruskan...

PEGUAM BELA: Yang arif, saya sambung kembali hujah saya.

Adapun kambing yang tersangat kurus dan lapar itu juga tersangatlah letihnya sehingga matanya pun sudah menjadi kabur dan berpinar-pinar. Ini menyebabkan kambing itu tidak nampak kulit pisang, sehingga terkaislah olehnya makanan kegemarannya itu ke atas jalan raya. *Malang tak berbau*, seorang nenek yang sedang berjoging menghampiri... kambing terkejut dan cabut lari. Nenek tua itu terpijak kulit pisang dan jatuh... sampailah ajalnya, dia pun mati.

Dengan ini, jelas bahawa Bulat bin Leper tidak terbabit dalam soal ini. Yang bersalah, bukannya Bulat, tapi kambing kurus. Oleh sebab itu, bukan Bulat yang harus dihukum, sebaliknya kambing kuruslah yang perlu dihukum.

Dipetik daripada drama *Mahkamah*,
Antologi Baik Budi Indah BahasaTingkatan 2
Kementerian Pendidikan Malaysia

- 1 Apakah maksud peribahasa *malang tak berbau*?
- A Musibah yang terjadi secara tiba-tiba.
 - B Bencana yang menimpa secara berturut-turut.
 - C Kesusahan yang berlaku secara berterusan.
 - D Mala petaka yang menimpa tiada kesudahannya.
- 2 Yang berikut merupakan latar masyarakat yang terdapat dalam petikan drama, **kecuali**
- A masyarakat yang jujur.
 - B masyarakat yang bertanggungjawab.
 - C masyarakat yang adil.
 - D masyarakat yang prihatin.